

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 3 JULAI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## 5 negeri penyumbang terbesar ekonomi negara

# 5 negeri penyumbang terbesar ekonomi negara

Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai penyumbang utama ekonomi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 67.7 peratus pada 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 3.6 peratus pada tahun lalu dengan nilai ditambah berjumlah RM1.6 trilion.

Empat negeri mengatasi pertumbuhan di peringkat nasional tahun lalu iaitu Selangor yang berkembang 5.4 peratus, Pahang (5.2 peratus), Johor (4.1 peratus) dan Kuala Lumpur (3.7 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi ekonomi Selangor, Pahang dan Johor dipacu oleh sektor perkhidmatan dan sektor pembuatan.

Beliau berkata, bagi Selangor dan Johor, sektor perkhidmatan masing-masing berkembang sebanyak 6.1 peratus dan 5.4 peratus didorong pertumbuhan subsektor utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. Manakala bagi Pahang, katanya pengembangan sektor ini sebanyak 6.0 peratus disokong oleh perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

"Pengembangan sektor pembuatan sebanyak 2.0 peratus di Selangor pula disebabkan pertumbuhan subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan



Mohd Uzir Mahidin

pebaikan (6.2 peratus) serta produk minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan pemrosesan makanan (10.3 peratus).

"Bagi Johor, sektor pembuatannya meningkat 2.8 peratus didorong pertumbuhan produk elektrik, elektronik dan optikal (2.9 peratus) manakala di Pahang, pertumbuhan 6.7 peratus bagi produk petroleum, kimia, getah dan plastik telah menyumbang kenaikan 2.1 peratus bagi sektor pembuatan negeri ini.

"Sementara itu, pengembangan ekonomi Kuala Lumpur sebanyak 3.7 peratus dipacu oleh sektor perkhidmatan yang merupakan tonggak utama ekonomi negeri

ini. Sektor ini bertumbuh 4.9 peratus, disokong perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, Sarawak mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang keempat tertinggi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, bertumbuh 1.2 peratus pada 2023.

Beliau berkata, sektor perkhidmatan negeri ini meningkat kukuh 5.4 peratus, mengatasi pertumbuhan sektor perkhidmatan nasional.

Sementara itu, katanya sektor pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi ekonomi Sarawak merosot

3.9 peratus disebabkan penyusutan produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 4.6 peratus terutama melibatkan

produk petroleum bertapis.

"Ini selari dengan kemerosotan pengeluaran minyak mentah & kondensat serta gas asli masing-masing 2.3 peratus dan 1.1 peratus menyebabkan kejatuhan keseluruhan sektor perlombongan & pengkuarian Sarawak kepada 1.0 peratus, sekali gus memperlahankan KDNK Sarawak pada 2023," katanya.

Beralih ke KDNK perkapita, Mohd Uzir berkata bahawa nilai KDNK perkapita nasional pada 2023 adalah RM54,612.

Katanya, bagi prestasi mengikut negeri, lima negeri merekordkan nilai KDNK perkapita melebihi paras nasional iaitu Kuala Lumpur (RM131,038), Labuan (RM83,596), Pulau Pinang (RM72,586), Sarawak (RM72,411) dan Selangor (RM62,492).